

Impak Bahasa dan Sastera di Alam Melayu: Satu Tinjauan Terhadap Cabaran kepada Kehidupan Masyarakat dalam Era IR 4.0

Noor Salwani Hussin¹, Shuhairimi Abdullah¹, Jamsari Jamaluddin¹, Abdul Jalil Ramli¹, Norhudi'in Danu @ Dadoo¹ dan Abdul Rahman Manaf¹

¹Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknologi komunikasi (Ikom), Universiti Malaysia Perlis.

ABSTRAK

Alam Melayu mengalami tahap perkembangan yang tinggi selepas Melaka menjadi sebuah pelabuhan Entreport yang terkenal di Wilayah Nusantara sekitar abad ke-14 Masihi. Malah bahasa dan sastera turut berkembang secara positif apabila menerima pengaruh ajaran Islam yang dibawa masuk ke Nusantara. Namun begitu, apabila Malaysia terdedah kepada teknologi dunia digital, elemen-elemen asas seperti bahasa turut menerima kesannya dalam usaha untuk melestarikan bidang bahasa tersebut. Kertas kerja ini memfokuskan kepada sejarah perkembangan bahasa Melayu serta kesannya dalam konteks masyarakat dan kebudayaan. Penulisan ini adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan melihat kepada sumber-sumber bertulis yang sedia. Maklumat-maklumat yang diperolehi tersebut akan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat bagi menjawab persolan dalam kertas kerja ini. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis segala rujukan yang digunakan dalam kajian ini. Perkembangan teknologi pesat yang melanda dunia pada hari ini turut melanda wilayah Tanah Melayu. Penerimaan teknologi sebagai asas pembangunan kepada negara bukan hanya melibatkan sektor pembuatan dan perkhidmatan bahkan turut juga melibatkan aspek bahasa Melayu. Secara umumnya, didapati kesan kemasukan teknologi IR 4.0 memberi kesan terhadap bidang tersebut dalam konteks kemasyarakatan dan kebudayaan. Kedua-dua bidang tersebut memerlukan kepada pendekatan yang tertentu dalam usaha melestari dan memperkasakan bidang tersebut agar selari dengan keperluan dan perkembangan semasa. Tegasnya, usaha dan komitmen dalam kalangan rakyat dan pihak pemerintah adalah penting dalam usaha memartabatkan kegemilangan bahasa Melayu dalam generasi masa kini dan akan datang.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, Budaya, Teknologi IR 4.0.

The Impact of Language and History in the Malay World: A Survey on the Effect of the Community Life in Era IR 4.0

ABSTRACT

The Malay world experiencing in a high stage of development after Malacca became a well-known Entrepot in the Nusantara Territory around the 14th century AD. Even languages and literature also flourished positively when they accepted the influence of Islamic teachings brought into the archipelago. However, when Malaysia is exposed to digital world technology, basic elements such as language and literature are also affected in an effort to preserve both fields. This paper work focuses on the history of language and literature development and the effects of both fields in the context of society and culture. The writing is based on a literature review by looking at the available written sources. Content analysis is used to analyze all references developed in this study. The rapid development of today's world of technology has hit the territory of Malaya. Technology acceptance as the basis of development to the nation not only involves the manufacturing and service sectors but also involves language and literary aspects. Generally, the impact of the IR 4.0 technology has affected both fields in the context of community and culture. Both fields require a particular

approach in order to sustain and empower these two areas in line with their needs and current developments. Indeed, efforts and commitments among the people and the government are essential in upholding the noble language and literature in the present day and the future generations.

Keywords: Language, Literature, Culture, IR 4.0 Technology.

PENGENALAN

Menurut para sarjana linguistik, manusia pada zaman Neolitik telah Berjaya memperbaiki bahasa yang diciptakan oleh manusia zaman primitif. Masyarakat primitif merupakan masyarakat yang tertua di atas muka bumi ini. Pada waktu itu tamadun manusia telah berjaya mencapai tahap yang tinggi, apabila mereka tidak lagi hidup berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain. Mereka telah menghasilkan pelbagai kemajuan dalam bidang pembuatan dan sebagainya. Perkembangan ini menuntut masyarakat mempunyai banyak perbendaharaan kata untuk memenuhi keperluan komunikasi mereka.

Tamadun yang dicipta oleh mereka memerlukan bahasa yang baik, bukan sahaja untuk berkomunikasi, malah untuk menyimpan rekod negara, kerana mereka telah membentuk institusi pemerintahan serta membina negara kota. Banyak perkembangan ilmu telah berlaku seperti ilmu sains dan teknologi, ilmu kesenian, pembuatan, sastera dan budaya dan sebagainya. Keperluan bahasa semakin meningkat terutama apabila mereka mencapai kecemerlangan dalam bahasa dengan menghasilkan karya kesusasteraan yang bermutu tinggi.

Terdapat banyak pendapat tentang perkembangan bahasa Melayu. Ada yang berpendapat bahasa Melayu berasal daripada Asia Tengah dan ada juga yang berpendapat bahasa Melayu sudah lama wujud di wilayah Kepulauan Melayu. Pada umumnya Bahasa Melayu telah mula digunakan dalam sistem pentadbiran kerajaan Sriwijaya seawal abad ke-7 lagi. Namun perkembangan Bahasa Melayu telah dipergiatkan pada era kegemilangan Melaka pada abad ke-13 sesuai dengan statusnya sebagai pusat perdagangan di rantau ini pada ketika itu. Setelah agama dibawa masuk ke wilayah Nusantara, terutama sekali di Melaka, bahasa Melayu terus berkembang sehingga ke hari ini.

Menurut Kamarudin Haji Husin, Siti Hajar Haji Abdul Aziz dan Arba'ie Sujud (1997), sejarah perkembangan Melayu di Nusantara adalah melalui tiga tahap iaitu Bahasa Melayu sebelum dan zaman keagungan Melaka, Bahasa Melayu zaman Pra-Merdeka dan Bahasa Melayu selepas Merdeka. Namun untuk tujuan kertas kerja ini, perbincangan hanya difokuskan kepada sejarah perkembangan Melayu selepas merdeka sehingga ke hari ini. Kertas kerja ini juga memberi tumpuan kepada faktor-faktor perkembangan bahasa Melayu serta cabaran kepada masyarakat dan negara, apatah lagi dalam era digital IR 4.0 yang berkembang pada hari ini.

FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Kedatangan agama Hindu, Islam dan penjajah Eropah telah menyebabkan berlaku perbezaan yang ketara dalam penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat pada ketika itu. Oleh itu pengkaji bahasa telah membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama iaitu Bahasa Melayu Kuno, Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden. Setiap bahagian mempunyai sifatnya yang tersendiri seperti bahasa Melayu Kuno mempunyai pengaruh Sanskrit dan Hindu yang kuat. Manakala bahasa Melayu Klasik terpengaruh dengan bahasa Arab dan Islam. Sementara bahasa Melayu moden lebih banyak dipengaruhi oleh penjajah Barat terutama sekali Inggeris. Perkembangan bahasa Melayu boleh dilihat daripada perkembangan ketiga-tiga kategori bahasa tersebut.

Menurut Abdul Rashid dan Amat Juhari Moain, (2006), Bahasa Melayu Kuno dikatakan bermula pada abad ke-4 Masihi kerana terdapat beberapa bukti yang telah ditemui di Dong Yen Chau di Teluk Tourane Vietnam yang bertarikh pada abad ke-4 Masihi. Bahan bukti yang ditemui ialah sebuah batu bersurat.

Pada abad pertama, pedagang-pedagang dari India mula berlayar ke arah Timur untuk menuju ke negara China. Manakala pedagang dari China, belayar ke Barat menuju India. Sehubungan dengan itu, perlayaran dua hala ini telah memaksa mereka untuk melalui laluan Selat Melaka. Hal ini telah menyebabkan pelabuhan yang terdapat di Kepulauan Melayu menjadi tempat persinggahan mereka dan pelabuhan tersebut juga menjadi pusat perdagangan antara India dan China. Di samping itu, para mubaligh Hindu turut datang ke kepulauan Melayu untuk memperluaskan penyebaran agama Hindu. Kedatangan para pedagang serta mubaligh Hindu telah menyebabkan bahasa Melayu mendapat pengaruh baru. Bahasa Melayu purba kemudiannya berkembang serta berevolusi menjadi bahasa Melayu kuno.

Terdapat beberapa definisi yang telah diutarakan oleh pengkaji bahasa. Antaranya ialah, menurut Asmah Hj. Omar (1985), "bahasa abad ketiga belas dan ketujuh belas itu dinamakan bahasa Melayu klasik.

Ismail Hussein (1984:24) berpendapat bahawa, pembahagian yang dibuat adalah atas pertimbangan sejarah perkembangan bahasa Melayu. Hal ini dapat dibahagikan mengikut zaman politik Srivijaya, Majapahit, Melaka dan sebagainya.

Bahasa Melayu klasik pula digunakan pada abad ke-14 hingga abad ke-19. Bahasa ini mencapai kegemilangan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Zaman Kerajaan Johor-Riau. Bahasa ini telah menjadi bahasa baku dalam pemerintahan negara yang berpusat di istana serta dalam hubungan dengan dunia luar. Bahasa ini telah mempunyai peningkatan berbanding bahasa Melayu kuno. Bahasa ini mempunyai taraf mutu yang tinggi, dan mengandungi laras bahasa yang banyak untuk dipelbagaikan dalam bidang ilmu seperti undang-undang, perubatan, sejarah, agama, dan seni sastera.

Menurut Dr. Zainal Azma, perkembangan bahasa Melayu klasik mempunyai perkaitan dengan perkembangan karya sastera. Perkembangan kesusastraan ini memberikan gambaran tentang sejarah silam sesuatu bangsa dari segi kebudayaan, dan keperibadiannya. Dalam hal ini, bahasa Melayu klasik turut digunakan oleh pengarang untuk tujuan menghasilkan karya dalam bidang kesusastraan, ketatanegaraan, kebudayaan kemasyarakatan dan juga keagamaan. Kemunculan bahasa Melayu klasik menyebabkan pengaruh Hindu mula pudar sedikit demi sedikit sehingga ke abad ke-15.

Pada abad ke-13, peralihan bahasa berlaku disebabkan kedatangan agama Islam ke Asia Tenggara. Ekoran daripada itu, kehadiran agama Islam telah banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu, terutama dari segi kosa kata, struktur kata dan juga tulisannya. Peralihan bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu klasik dapat dibuktikan dengan penemuan batu-batu bersurat seperti batu bersurat Minye Tujuh, Aceh (1390). Batu bersurat ini ialah batu bersurat pertama yang ditemui, yang mana tulisan di Batu bersurat tersebut menggunakan perkataan-perkataan arab seperti Allah, nabi, khalifah dan rahmat. Bahasa Melayu klasik dikatakan mencapai zaman kegemilangannya di bawah kerajaan Melaka, Aceh dan Johor Riau. Hal ini demikian kerana, kerajaan-kerajaan tersebut pernah menjadi kawasan penting dalam kegiatan perdagangan serta perkembangan Islam.

Kedatangan pengaruh bahasa Arab serta agama Islam telah menyebabkan bahasa Melayu melangkah setapak lagi dengan satu lagi tulisan baru berjaya diteroka iaitu tulisan Jawi. Tulisan ini boleh dibuktikan melalui penemuan batu bersurat Kuala Berang yang dijumpai di Sungai

Teresat, Kuala Berang, Hulu Terengganu bertarikh 22 Februari 1303 Masihi bersamaan dengan 4 Rejab 702 Hijrah.

Selanjutnya, zaman bahasa Melayu moden dikatakan bermula pada abad ke-19 dengan kemunculan karya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munsyi. Pembaharuan bahasa yang digunakan oleh Abdullah Munsyi pada masa itu telah mempengaruhi corak perkembangan bahasa Melayu selepas itu. Pembaharuan yang dinyatakan ialah hasil daripada pertembungan kebudayaan antara Timur dengan Barat. Walau bagaimanapun, zaman Abdullah Munsyi hanyalah zaman peralihan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden. Tahap sebenar bahasa Melayu bermula pada abad ke-20.

Sebelum kedatangan British di Tanah Melayu, bahasa Melayu mencapai kedudukan yang tinggi dan berfungsi sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa pengantar di institusi pendidikan. Pada peringkat awal pemerintahan Inggeris, bahasa Melayu masih lagi digunakan dalam sistem pentadbiran atau urusan rasmi. Malah pegawai British yang bertugas dikehendaki mempelajari bahasa Melayu dan lulus dalam peperiksaan sebelum disahkan jawatannya sebagai pegawai British. Antaranya ialah R.O Winstedt, R.J. Wilkinson, O.T. Dussek, A.M. Skinner, C.C. Brown dan W.E.

Selepas Perang Dunia Kedua meletus, bahasa Melayu mula terpinggir. British mula menyedari bahawa bahasa Melayu merupakan satu faktor yang menyebabkan kekalahan mereka terhadap tentera Jepun. Justeru itu, pihak British mengambil langkah untuk menggunakan bahasa Inggeris di tanah Melayu secara meluas. Hal ini disebabkan pihak British tidak mahu orang Melayu bersatu dan menentang mereka. Pihak British telah menukar dasar pendidikan dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah. Manakala bahasa Melayu hanya digunakan di peringkat sekolah rendah sahaja. Pelajar yang lulus dalam bahasa Inggeris akan menyandang jawatan-jawatan profesional dalam pentadbiran

Pada awal abad ke-20, kesedaran mula timbul dalam kalangan cendekiawan Bahasa seperti sasterawan, wartawan, budayawan, guru-guru dan ahli politik terhadap kedudukan bahasa Melayu. Oleh itu, mereka telah berusaha dengan memperjuangkan bahasa Melayu secara individu dan berkumpulan dengan menggunakan penulisan dalam majalah dan akhbar tempatan. Usaha yang dilakukan ini telah melahirkan ramai tokoh-tokoh bahasa, para ilmuan dan juga institusi bahasa pra merdeka. Antara tokoh bahasa Melayu yang dinyatakan ialah, Abdullah Munsyi (1796-1854), Raja Ali Haji (1809-1870), Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman (1876-1955) dan Zainal Abidin bin Ahmad (1896-1973). Manakala institusi-institusi bahasa Melayu yang ditubuhkan ialah, Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888), Persaudaraan Sahabat Pena Malaysia (1934), Pejabat Karang Mengarang (1924) dan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50).

Pada 22 Jun 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diwujudkan di Johor Bharu, Johor yang menggunakan nama asal ialah Balai Pustaka. Pada asalnya, DBP hanyalah salah satu jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran. Kemudian, kerajaan telah menerima cadangan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga untuk menamakan Balai Pustaka dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun 1959, DBP telah dinaikkan taraf menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka. DBP berperanan sebagai mencetak dan menerbitkan serta membantu dalam penerbitan buku, majalah, dan bentuk kesusastraan lain. Selain itu, DBP juga berperanan menyusun dan menerbitkan kamus bahasa kebangsaan dan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan. Semasa mencapai kemerdekaan 1957, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan yang menyebut bahawa "Bahasa Kebangsaan negara ini adalah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukan dalam undang-undang Parliment". Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menggariskan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara, iaitu bahasa yang digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan persekutuan, negeri, tempatan

dan badan berkanun. Selain itu, Laporan Razak 1956 mencadangkan agar bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dan menjadi alat utama perpaduan antara kaum. Cadangan ini tidak lain adalah untuk memastikan perpaduan antara kaum terus terjalin.

Menurut Winstedt, Bahasa Melayu sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu ditulis dengan menggunakan huruf Kawi dan Nagari. Kedua-dua Bahasa tersebut berasal daripada Pallava, India. Manakala tulisan Jawi mula terkenal dalam tamadun Melayu selepas kedatangan Islam. Huruf Arab yang berasal daripada al-Quran bertujuan untuk menggantikan huruf Kawi dan Nagari. Perkembangan dan penggunaan tulisan Jawi telah mempengaruhi perkembangan Bahasa Melayu. Selari dengan perkembangan tersebut, istilah-istilah agama Islam telah diterapkan dan menjadi sebahagian istilah Bahasa Melayu. Contoh yang boleh dilihat adalah seperti perkataan akidah, iman, ihsan, sedekah, zakat, wajib dan sebagainya. Perkataan ini merupakan istilah Bahasa Arab yang di Melayukan bertujuan untuk menjelaskan tentang ajaran Islam yang telah menjadi sebahagian perkataan Bahasa Melayu. Selain itu, agama Islam juga telah berjaya mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa lingua franca atau Bahasa perantaraan dalam menjalin hubungan dengan masyarakat luar.

Bahasa Melayu telah menjadi Bahasa pengantar agama Islam di gugusan kepulauan Melayu. Selain itu, Bahasa Melayu juga menjadi Bahasa ilmu, serta digunakan secara meluas dalam urusan ekonomi. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara telah menjadikan wilayah Nusantara sebagai pelabuhan besar yang berjaya menarik minat masyarakat luar.

Penggunaan Bahasa Melayu bertambah kukuh dengan terhasilnya karya-karya kesusastraan Melayu. Karya-karya ini ditulis dalam bentuk saduran dari sastera Timur Tengah dan Asia Barat. Selain itu ada juga ditulis dalam bentuk asli daripada ilmuan dan sasterawan Melayu. Melalui penghasilan karya yang menggunakan tulisan jawi, Bahasa Melayu telah berjaya menjadi perantara segala ilmu dan maklumat berkaitan agama Islam.

BAHASA MELAYU DALAM MENDEPANI ARUS KEMODENAN DAN PERKEMBANGAN IR 4.0

Pakar ekonomi berpandangan bahawa revolusi industri 4.0 (IR 4.0) bakal memberikan impak yang ketara khususnya dalam aspek pendapatan dan jurang kekayaan antara penduduk yang merentasi benua, kelas, gender dan bidang pekerjaan selain terhakisnya nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan. Justeru itu, modal insan yang bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara perlu dipersiapkan secukupnya baik dari aspek fizikal, mental dan juga spiritual. Sehubungan itu, Bahasa Melayu juga turut menerima tempias daripada perubahan yang berlaku pada masa kini. Bahasa merupakan wahana pengucapan budaya yang tinggi dalam sesebuah peradaban bangsa. Selain itu bahasa juga merupakan tonggak yang ampuh untuk mendukung jati diri sesuatu bangsa. Bahasa memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pembinaan negara bangsa, serta mempunyai peranan tersendiri melalui kebudayaan tinggi yang akhirnya menuju peradaban bangsa yang tinggi. Oleh itu, apabila memperkatakan perihal Bahasa Melayu dalam konteks pembinaan negara-bangsa, secara tidak langsung ianya dikaitkan dengan hubungan erat antara Bahasa Melayu dengan peradaban atau tamadun baru Malaysia.

Peradaban dalam konteks yang luas bukan sahaja ditegakkan semata-mata atas pembangunan fizikal, tetapi juga diambil kira dari sudut pembangunan dalaman diri manusia, minda dan spiritual manusia. Di sinilah peranan bahasa dimainkan apabila ianya dijadikan sebagai medium perhubungan yang tinggi. Pelbagai peranan yang dapat dimainkan oleh Bahasa Melayu tinggi. Antaranya Bahasa Melayu harus memainkan peranan sebagai bahasa komunikasi ilmu pengetahuan yang tinggi. Bahasa Melayu harus mengungkap tahap epistemologi ilmu pengetahuan yang sedang berkembang.

Ancangan kebahasaan hendaklah dihayati secara mendalam oleh cendekiawan Bahasa yang terdiri daripada perancang bahasa, para sarjana, golongan birokrat dan teknorat serta lapisan masyarakat yang mencintai Bahasa. Kerjasama dan gabungan tenaga pelbagai dimensi ini hendaklah diwujudkan supaya bahasa Melayu mendapat tempat yang tertinggi sebagai salah satu bahasa penting di dunia.

Bagi merealisasikan hasrat ini, sudah tentu banyak cabaran yang perlu dihadapi. Contohnya, menurut Peter Trudgill (Trudgill, 1983:178-179), bahasa lingua franca akan mengalami proses pemudahan dan fungsinya akan berkurangan apabila ianya meresap ke dalam lapisan masyarakat sebagai Bahasa kedua. Namun begitu, Bahasa Melayu boleh berkembang dengan pesat jika ia digunakan dan di perluas ke persada antarabangsa, melalui ucapan dan teks-teks di peringkat antarabangsa.

Bahasa Melayu tidak akan terancam dengan kemaraan era Revolusi Industri Keempat (RI 4.0) selagi penuturnya terus mendaulatkan dan berusaha melestari serta memperkayakannya. Penutur bahasa Melayu di Asia Tenggara khususnya Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam perlu memastikan kedudukan bahasa itu menjadi lebih penting sejajar dengan usaha untuk menjadikannya relevan sebagai bahasa wacana RI4.0. Keadaan ini boleh dicapai dengan memperkayakan istilah sains dan teknologi, menambah khazanah ilmu berbahasa Melayu melalui penerbitan makalah, jurnal serta buku yang sesuai dengan era industri, selain mengajar semua mata pelajaran di maktab, kolej dan universiti dalam bahasa Melayu. RI4.0 atau revolusi perindustrian keempat secara umumnya membabitkan Internet of Things (IoT) dalam setiap aspek kehidupan harian. Ia dinamakan RI4.0 berdasarkan revolusi pertama yang membabitkan penggunaan mesin berkuasa wap, revolusi elektrik dan teknologi maklumat.

Sementara itu, kepentingan memartabatkan bahasa Melayu bukan hanya untuk mendepani RI4.0, bahkan untuk memastikan sahsiah, keperibadian, jati diri dan nilai masyarakat penuturnya dimantapkan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Pembangunan sains dan teknologi dalam peradaban Barat bersifat sekular serta terpisah daripada sistem nilai budaya dan agama menyebabkan masyarakat perlu menguasai semua ilmu yang berkembang pada masa kini, untuk mengimbangi perkembangan teknologi yang dikuasai oleh budaya Barat. Justeru itu, bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa pengantar kepada pembangunan sains dan teknologi dalam tamadun di alam Melayu.

Berdasarkan apa yang diperkatakan oleh kebanyakan cendekiawan ilmu, jelas menunjukkan bahawa kedudukan dan kewibawaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan dan juga peradaban bangsa adalah sangat penting. Bagi memastikan kedudukan ini tidak dicabar oleh unsur-unsur lain, maka usaha dan perancangan teliti perlu di lakukan untuk membendung lonjakan pengaruh Bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Berdasarkan kepentingan itu, maka beberapa langkah telah digariskan untuk mencapai matlamat tersebut. Langkah-langkah ini tertumpu pada dua strategi iaitu cara mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi. Strategi kedua ialah cara membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam Bahasa Melayu. Langkah-langkah yang digariskan ialah:

- i. Mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya semua pihak terutama yang mempunyai kuasa dan pengaruh serta rakyat jelata dapat menyedari betapa pentingnya menjamin dan memastikan kedudukan dan kewibawaan Bahasa melayu sebagai Bahasa kebangsaan negara Malaysia, serta sebagai Bahasa pengantar pendidikan sains dan teknologi dikekalkan dan ditingkatkan demi perpaduan negara, bangsa dan rakyat, malah di peringkat antarabangsa.

- ii. Peruntukkan kewangan maksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha menggalakkan pengkaryaan dalam segala bidang ilmu termasuk sains dan teknologi dalam Bahasa Melayu, sama ada karya asli mahupun terjemahan serta segala bentuk peruntukkan kewangan itu hendaklah dianggap sebagai pelaburan untuk membangunkan bidang ilmu dan sumber manusia jangka panjang, bukan sebagai pelaburan komersil jangka pendek yang dikira berapa untung dan ruginya.
- iii. Mewujudkan dana dan peruntukan kewangan yang mencukupi, skim penggalakkan dan insentif yang menarik hendaklah ditawarkan kepada para ilmuan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan buku dan artikel ke dalam Bahasa Melayu dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- iv. Menubuhkan sebuah Majlis/ Lembaga Buku Ilmiah Melayu Kebangsaan /antarabangsa.
- v. Mengadakan gerakan promosi yang agresif dan meyakinkan untuk mengantarabangsakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa utama ASEAN menggantikan Bahasa Inggeris. Ini berdasarkan kepada jumlah penutur Bahasa Melayu yang paling ramai di ASEAN.

KESIMPULAN

Setiap negara dan bangsa mesti berusaha untuk meningkatkan perjuangan, persaingan serta kecemerlangan bangsa dalam persada antarabangsa, supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia. Bagi mencapai matlamat ini, seluruh rakyatnya haruslah bergerak dan berganding tenaga melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam Bahasa Melayu dan bukannya Bahasa asing yang lain.

Gagasan yang menganjurkan supaya pendidikan tinggi, sains dan teknologi disampaikan dalam Bahasa Inggeris didorong oleh sama ada fahaman pragmatik keterlaluan yang hanya mementingkan faedah segera bagi golongan elit dalam jangka masa pendek. Tindakan ini sebenarnya akan menyebabkan berlaku keretakan, perpecahan dan kemunduran rakyat jelata. Selain itu, ia juga akan menjadikan rakyat mempunyai minda yang cetek serta tidak ada keyakinan diri kepada ciri-ciri budaya sendiri dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa dan tamadun dalam acuan sendiri.

Masyarakat yang memahami bahawa bahasa kebangsaan adalah penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badai negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi murni dan juga unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, kemesraan dan kasih sayang sesama bangsa. Bahasa kebangsaan adalah elemen utama yang mengungkapkan dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin perpaduan, kestabilan dan ketekalannya dalam menghadapi cabaran arus globalisasi.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1992). Bahasa Melayu STPM Kertas 1 & 2. Kuala Lumpur: Percetakan Anda Sdn. Bhd
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Asmah Haji Omar. (1985). Susur Galur Bahasa Melayu. Ampang: Dawama Sdn. Bhd.Nik Safiah karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (1986). Tatabahasa Dewan. Bangi: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Impak Bahasa dan Sastera di Alam Melayu: Satu Tinjauan Terhadap Cabaran kepada Kehidupan Masyarakat dalam Era IR 4.0

- Syarifah Nor Syed Abd. Rahman, Nornajmah Najmuddin & Rosdah Omar. (2007). BAHASA MELAYU KERTAS 1 & 2. TEKS & RUJUKAN LENGKAP. Shah Alam: KHL Printing Co. Sdn. Bhd.
- Hashim Musa (2004). PEMERKASAAN TAMADUN MELAYU MALAYSIA, MENGHADAPI GLOBALISASI BARAT. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh & Ghazali Shafie. (2001). TAMADUN MELAYU MENYONGSONG ABAD KEDUA PULUH SATU. Edisi Kedua. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Aziz Deraman. (2000). TAMADUN MELAYU DAN PEMBINAAN BANGSA MALAYSIA. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- <http://bahasamelayudnisenu.blogspot.com/2010/07/bahasa-melayu-kuno.html>
- <http://dermagabmk1.blogspot.com/2008/11/bahasa-melayu-klasik.html>
- <http://cikgunoorsinah.blogspot.com/2013/05/bahasa-melayu-moden-1.html>
- Fairuzah Hj. Basri. (2012). TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN MELAYU: PERKEMBANGAN DAN ISU KONTEMPORARI. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/08/462634/bahasa-melayu-relevan-dalam-revolusi-industri-keempat>